

0910

R B634 DEB
UMNO-MT
(1)

KUALA LUMPUR, 18 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI BAHAWA TARIKH PILIHANRAYA UMUM SUKAR DITETAPKAN KERANA +BEBERAPA PERKEMBANGAN POLITIK+ NEGARA SEKARANG AGAK NEGETIF.

PERDANA MENTERI YANG MENYEBUT SABAH SEBAGAI CONTOH BERKATA: +KITA TIDAK PASTI SIAPA KETUA MENTERI KERANA PEREBUTAN MASIH BERLAKU.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEPAS MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI BAHAWA: +TIDAK SEPERTI DI NEGERI-NEGERI LAIN, KITA PASTI SIAPA KETUA MENTERINYA.+

+KITA CUBA MENGETAHUINYASEHINGGA INI DIKETAHUI, KITA TIDAK DAPAT MENGANGGAP (KEADAAN DI SABAH) POSITIF.+

MESYUARAT YANG BERLANGSUNG SELAMA TIGA JAM ITU, YANG TERAKHIR DIADAKAN DI BANGUNAN LAMA IBU PEJABAT UMNO DI JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN. TELAH MEMBINCANGKAN KEADAAN POLITIK NEGARA PADA AMNYA TETAPI TIDAK PULA MEMBUAT APA-APA KEPUTUSAN.

+KITA MENKAJI KESAN PELBAGAI PERISTIWA YANG BERLAKU KE ATAS SUASANA POLITIK ,+ TAMBAHNYA. -- LAGI.

UMNO-MT 2 KUALA LUMPUR
(1)

PRESIDEN UMNO ITU BAGAIMANAPUN ENGGAN MENGULAS KRISIS MCA, SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA UMNO TIDAK MAHU CAMPUR TANGAN DALAM HAL EHWAL LAIN-LAIN PARTI KOMPONAN BARISAN NASIONAL.

DALAM MESYUARAT ITU JUGA, PARA MENTERI BESAR TELAH BERIKAR AKAN MENINGKATKAN KERJASAMA DENGAN KERAJAAN PUSAT.

PERDANA MENTERI TELAH MENEKANKAN PENTINGNYA MEMPERCEPATKAN PROSES PENYEDIAAN TANAH KEPADA KERAJAAN PUSAT UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PERUMAHAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA UMNO AKAN MENYAMBUT ULANG TAHUN YANG KE-40 TAHUN DEPAN SECARA BESAR-BESARAN DI JOHOR BAHRU. BELIAU JUGA MENGUMUMKAN PENERIMAAN SEMULA KEANGGOTAAN HAJI ABDUL RAHMAN DATUK HAJI WAN IBRAHIM SEBAGAI ANGGOTA UMNO BAHAGIAN LIPIS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENERIMA CEK UNTUK JUMLAH \$50,000 SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA IKRAR SUMBANGAN \$100,000 SETAHUN OLEH UMNO JOHOR UNTUK PEMBAYARAN BALIK HUTANG PEMBINAAN IBU PEJABAT BARU -- KOMPLEKS UMNO -- DI JALAN TUN ISMAIL.

YANG TURUT HADIR DALAM MESYUARAT ITU IALAH TIMBALAN PRESIDEN, DATUK NUSA HITAM DAN SETIAUSAHA AGUNG UMNO MALAYSIA, DATUK SERI SANUSI JUNID. -- BERNAMA.

0119NST 19 11 85